

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 26.09.2024 MASA: 04.00 PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PEKERJA CONTOH 2024  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**01 OKTOBER 2024 (SELASA)**

**3.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis**

**En Bernard Cheen Goon Hoi**

**En Zainuddin Bin Mohamed**

**Datuk Mohd Noor Bin Ahmad**

**En Muhamad Suzuki Bin Ahmad**

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah,syukur ke hadrat Allah S.W.T.kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul bersama-sama di dalam **Majlis Anugerah Pekerja Contoh 2024 Majlis Bandaraya Seberang Perai di Dewan Kenanga, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).**
2. Pertamanya, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor, Setiausaha Bandaraya MBSP; Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Yang Diraikan Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Contoh 2024 MBSP; tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.
3. Sempena sambutan Hari Bandaraya pada tahun ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan sukacitanya menganugerahkan Anugerah Pekerja Contoh kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Anugerah Pekerja Contoh MBSP merupakan anugerah yang disampaikan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai setiap tahun, bagi menghargai warga kerja MBSP yang telah memberikan perkhidmatan terbaik dan melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan

cemerlang sepanjang berkhidmat bersama MBSP. Anugerah Pekerja Contoh ini telah diadakan, bermula pada tahun 2012 dan pada tahun ini (2024), ianya merupakan Majlis Anugerah Pekerja Contoh Kali Ke-12.

4. Hari ini kita meraikan seramai 100 orang penerima Anugerah Pekerja Contoh Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi Tahun 2024. Penerima Anugerah Pekerja Contoh bagi tahun 2024 merangkumi:-
  - i. Tiga (3) orang Pegawai Pengurusan dan Profesional; dan
  - ii. 97 kakitangan dari peringkat Pelaksana
5. **Syabas dan Tahniah** kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Saya berharap dengan pengiktirafan yang diberikan ini akan menaikkan lagi semangat di samping menjadi inspirasi kepada semua warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk meneruskan khidmat bakti dengan lebih baik dan berdedikasi.
6. Setiap pegawai dan kakitangan MBSP yang dinobatkan sebagai Pekerja Contoh akan menerima insentif berupa:-
  - i. Sijil Penghargaan Pekerja Contoh; dan
  - ii. Wang Tunai berjumlah RM100.00
7. Semoga anugerah yang diterima, menjadi pemangkin dalam memajukan kerjaya seterusnya memberi impak positif serta sebagai *role model* kepada kakitangan lain.

8. Warga kerja MBSP merupakan tulang belakang kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga Seberang Perai melalui pelaksanaan penambahbaikan yang berterusan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja dan penghasilan agar dapat memberi manfaat kepada rakyat.
9. Kesemua pegawai dan kakitangan MBSP hendaklah tidak terlalu selesa dengan kemahiran yang ada, sebaliknya sentiasa berusaha menimba pengalaman baharu. Saya juga mengingatkan kepada semua warga kerja MBSP supaya sentiasa memelihara integriti sepanjang masa walaupun di luar waktu bekerja. Ini kerana skop integriti bukan sahaja isu rasuah malah ianya lebih daripada itu. Integriti merangkumi sifat jati diri dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab.
10. Mencapai kejayaan adalah pengalaman yang sangat positif dan begitu bernilai kepada setiap individu. Ia memberi perasaan kepuasan dalam bekerja di samping memupuk semangat motivasi kepada setiap penerima.
11. Akhir sekali saya menyeru agar seluruh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai supaya dapat bergerak seiring terutamanya cara kita bekerja agar lebih cekap dan lebih pantas bertindak memberi perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga Seberang Perai. Syabas dan tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Contoh 2024 MBSP. Saya juga berharap

agar tuan puhan bukan sahaja dapat mengekalkan prestasi yang baik malah dapat meningkatkan lagi usaha, agar perkhidmatan yang diberikan lebih baik pada masa akan datang.

12. Akhir kata, dengan rasa besar hati dan dengan lafaz ***“Bismillahirrahmanirrahim”***, saya dengan ini merasmikan **Majlis Anugerah Pekerja Contoh 2024 Majlis Bandaraya Seberang Perai**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***